

# Wang emas: Mahathir tunggu siasatan

BH 20 JUL 1994

GEORGETOWN, Selasa - Kerajaan akan membiarkan pihak yang terbabit menjalankan penyiasatan berhubung kehilangan wang emas di London sebelum mengambil sebarang tindakan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, agak sukar

baginya untuk mempercayai laporan seumpama itu kerana kewibawaan mereka masih boleh dipertikalkan.

"Kalau benda kecil pun nak dibawa ke Parlimen, susah nak percaya kewibawaan laporan seumpama itu," katanya ketika diminta mengulas laporan *Financial Times* mengenai kehila-

ngan wang emas di Standard Chartered yang dikatakan diberi kepada seorang menteri Malaysia.

Dr Mahathir berkata, kerajaan akan melihat dan menunggu perkembangan penyiasatan itu sebelum mengambil tindakan lanjut.

Bank Standard Chartered kini menyiasat kehilangan syiling emasnya bernilai

AS\$10,000 (RM26,000) yang didakwa diberi kepada seorang menteri oleh cawangannya, Mocatta di Hong Kong.

Di London, wakil *Berita Harian Zamzam* Omar melaporkan seorang pegawai kanan Standard Chartered

LIHAT MUKA 2

# Wang emas: Perdana Menteri tunggu siasatan

BH 20 JUL 1994

DARI MUKA 1

Plc berkata, pihaknya masih menyiasat dakwaan penyelewengan dalam tuntutan perbelanjaan oleh anak syarikat bank itu, Mocatta.

Syarikat yang terbabit dalam urusan jual beli emas dan permata berharga di Timur Jauh dikatakan kehilangan syiling emas yang didakwa diberikan kepada menteri terbabit bagi mendapatkan peluang niaga.

Ketua bahagian komunikasinya, John Pank, berkata siasatan dimulakan awal tahun lalu sebagai sebahagian daripada usaha bank meningkatkan tahap pengurusan dan pengawasannya terhadap operasi kumpulan itu.

Pank berkata, pihak bank belum dapat membuktikan sebarang hadiah tertentu diberikan atau pembabitan sebarang perbelanjaan kepada mana-mana pihak.

Beliau tidak memberitahu bila siasatan itu akan berakhir, tetapi tidaklah mustahil jika siasatan itu membuktikan sebenarnya tidak ada rasuah diberikan.

Menurutnya, Standard Chartered Plc sentiasa

mematuhi kod peraturan antarabangsa di semua 57 cawangan antarabangsa.

"Kita memastikan kod peraturan yang sama digunakan di semua cawangan dalam semua urusan perniagaan sama ada bank di London, Eropah atau Timur Jauh.

"Walaupun ibu pejabat kami di London, kita mempunyai pengurusan tempatan yang cemerlang di setiap cawangan mengikut peraturan yang ditetapkan," katanya.

Beliau yang dihubungi di pejabatnya di London berkata, demikian ketika mengulas laporan akhbar *Sunday Times* pada 17 Julai lalu bahawa banyak cawangan bank itu di pasaran negara kurang maju lebih terdedah kepada amalan yang tidak sempurna berbanding di negara Barat.

Laporan itu juga berkata, bahawa urusan perniagaan membabitkan negara berkenaan juga lebih sukar diawasi dari London.

Menurut Pank, setakat ini, siasatan tidak menunjukkan sebarang pemberian atau perbelanjaan seperti yang didakwa.